

Bagi atasi soal rumah kos rendah:

# Peruntukan ditambah

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Kerajaan-kerajaan Negeri, mulai tahun depan, akan mendapat tambahan peruntukan \$15 juta, menjadikan \$20 juta, bagi melaksanakan rumah-rumah kos rendah.

Di samping itu, Kerajaan-kerajaan Negeri juga boleh mendapat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunannya, dengan kadar faedah terendah.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selepas merasmikan mesyuarat Tahunan Majlis Kewangan Negara di sini hari ini berkata, sebelum ini, peruntukan modal pusingan dari Kerajaan Pusat untuk Kerajaan Negeri bagi projek perumahan kos murah ialah \$5 juta.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, langkah ini amat perlu untuk mengatasi segala masalah rumah kos rendah yang dihadapi Kerajaan Negeri dan seterusnya mengatasi masalah perumahan, khasnya di kalangan berpendapatan rendah.

Bellau berkata, dengan modal pusingan tambahan ini maka daripada Kerajaan Negeri mengatasi masalah serius perumahan kos rendah yang dihadapi sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah Kerajaan Pusat juga bersetuju memberi pinjaman kepada negeri-negeri yang menghadapi kekurangan wang untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.

"Pinjaman tersebut dikenakan faedah antara kosong peratus sehingga kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Dunia kepada Kerajaan Pusat.

"Jika negeri yang meminjam itu miskin, maka Kerajaan Pusat tidak akan mengenakan faedah atas

**Oleh JAMALUDDIN BAKAR**

pinjaman tersebut dan Kerajaan Pusat akan membayar faedah yang dikenakan oleh Bank Dunia itu," tegas beliau.

Pemangku Perdana Menteri juga menjelaskan Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pihak manakah yang akan memperbaiki jalan-jalan yang rosak di luar bandar.

Katanya, setakat ini, terdapat beberapa Lembaga yang mengandungi kerja-kerja tersebut — Kerajaan Pusat, Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan atau wilayah.

"Jawatankuasa yang ditubuhkan itu akan menyelaraskan kerja-kerja itu," ujarnya.

Mengenal mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, mesyuarat itu membincangkan masalah ekonomi negara sekarang ini dan rancangan-rancangan yang dijalankan di masa akan datang.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, manakala Sabah dan Sarawak diwakili oleh Menteri Kewangan masing-masing.

Sementara itu, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, menegaskan keadaan ekonomi negara adalah baik dan keadaan inflasi hanya meningkat kira-kira 7 peratus sahaja.

Menurutnya, inflasi di negara ini berlaku disebabkan terlalu banyak wang di pasaran.

"Ini disebabkan bertamabah penghasilan negara melalui eksport dari sumber-sumber asli seperti minyak dan sebagainya.

Bellau juga menerangkan belanjawan negara untuk tahun depan telah pun disiapkan.

"Saya fikir belanjawan tersebut adalah adil kepada semua pihak," kata Tengku Razaleigh.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia